

**Himpunan Generasi Baru Felda Manifestasi Sokongan Anak Muda Kepada PM
Bernama
09 November, 2012**

SHAH ALAM, 9 Nov (Bernama) -- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan berkata Himpunan Generasi Baharu Felda yang bakal disertai oleh 10,000 anak-anak peneroka di Universiti Teknologi MARA (UiTM), di sini Sabtu merupakan manifestasi sokongan generasi muda terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata pada majlis itu, Najib akan menyampaikan cek pembayaran "durian runtuh" RM5,000 kepada wakil anak-anak peneroka, selepas ibu dan bapa mereka masing-masing menerima habuan RM5,000 setiap seorang sebelum ini.

Himpunan itu yang bermula malam ini dan akan berakhir Ahad ini diisi dengan pelbagai program termasuk wacana, persembahan hiburan dan sukaneka, katanya pada sidang media di sini.

Beliau juga berkata objektif Felda mengadakan himpunan ini di UiTM Shah Alam adalah bagi mendedahkan mereka kepada gedung ilmu dan menggalakkan mereka untuk sentiasa menimba ilmu bagi mempertingkatkan kedudukan mereka.

Beliau juga berkata generasi muda Felda akan lebih berani menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan tidak hanya meneruskan kerja-kerja di kebun yang diusahakan oleh para ibu bapa mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708413>